

Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan

Permulaan
Kesedihan
Seseorang
Manusia



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger dan Lazarus dan
Alastair Paterson

Disadur oleh: M. Maillot dan Tammy S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2020 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan
atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.




ALLAH MENCIPTA
SEGALANYA! Apabila
Allah membentuk manusia
pertama, Adam,
dia tinggal di Taman
Eden dengan
isterinya,
Hawa.



Mereka dengan
gembira mentaati Allah
dan menikmati
kehadiratNya
sehingga satu
hari ...





"Adakah Allah melarang kamu makan buah daripada sebarang pokok?" ular bertanya Hawa. "Kita boleh makan buah daripada setiap pokok kecuali





daripada satu pokok," dia menjawab. "Jika kita makan atau sentuh buah-buahan itu, kita akan mati."

"Anda tidak akan mati," kata ular itu.





"Anda akan menjadi seperti Allah." Hawa inginkan buah pokok itu. Dia mendengar kata ular itu dan makan buah tersebut.



Selepas Hawa
mengingkari firman
Allah, dia memberi
buah itu kepada
Adam dan
Adam pun
makan
buah
itu.



Adam sepatutnya
berkata, "Tidak!
Saya tidak akan
mengingkari
Firman
Tuhan."





Apabila Adam dan Hawa berdosa,
mereka sadar yang mereka bertelanjang.





Mereka pun merangkaikan daun ara untuk menutupi tubuh mereka dan bersembunyi daripada Allah di dalam semak duri.



Pada petang itu, Allah datang ke taman. Dia tahu apa yang Adam dan Hawa telah lakukan. Adam menyalahkan Hawa. Hawa menyalahkan ular itu.



Allah berfirman, "Terkutuklah si ular ini. Wanita ini pula akan mengalami kesakitan apabila dia melahirkan anak."



"Adam, kerana anda berdosa,
tanah bumi dikutuk dengan
duri dan rumput. Anda mesti
bekerja keras untuk
menghasilkan makanan
harian anda."



Allah juga mengusir
Adam dan Hawa
keluar dari
taman
indah ini.



Kerana mereka berdosa,
mereka telah terpisah
daripada kehidupan
sejati yang
diberi oleh
Allah!





Allah
menempatkan sebilah
pedang berapi untuk
mengawal pintu
masuk ke
taman.





Allah membuat pakaian
daripada kulit binatang
untuk Adam dan Hawa.
Dari manakah Tuhan
mengambil
kulit ini?



Masa berlalu, Adam dan Hawa mempunyai anak. Anak pertama mereka, Kain, adalah petani. Anak kedua mereka, Habel, adalah seorang gembala.




Sesuai hari, Kain membawa hasil tanamannya sebagai sembahsan kepada Allah. Habel membawa seekor domba sulung sebagai sembahannya kepada Allah.




Allah amat berkenan dengan
persembahan Habel.



Allah tidak berkenan dengan persembahan Kain. Kain menjadi amat marah.



Tetapi Allah berkata,
"Jika anda melakukan
apa yang betul,
tidakkah anda akan
diterima?"



Tetapi Kain masih marah. Beberapa waktu kemudian, dia menyerang Habel di padang - dan membunuhnya!



Tuhan berfirman kepada Kain.
"Di mana saudara anda, Habel?"
"Saya tidak tahu," Kain
berbohong. "Adakah
saya penjaga adik saya?"



Allah menghukum Kain dengan mengambil keupayaannya untuk meladang dan membuat dia seorang pengembara.



Kain pergi dari hadirat Allah.
Dia berkahwin dengan anak
perempuan Adam dan
Hawa.



Mereka membina satu keluarga. Satu masa kemudian, Kain dan cucu-cicitnya memenuhi kota yang dibina oleh Kain.



Sementara itu, keluarga Adam dan Hawa berkembang dengan cepat.



Pada masa itu manusia
hidup lebih lama daripada
kita hari ini.



Apabila Set anaknya dilahirkan,
Hawa berkata, "Allah memberi
saya Set untuk menggantikan
Habel."



Set adalah seorang yang suci yang hidup selama 912 tahun dan mempunyai ramai anak.




Dalam dunia, manusia semakin bertambah dan menjadi lebih jahat dari satu generasi ke generasi berikutnya.



Akhirnya, Allah memutuskan
untuk memusnahkan
manusia dan semua
binatang dan burung.



Allah rasa kecewa dengan manusia yang dibentuk olehNya. Tetapi seorang lelaki menyenangkan Allah ...



Lelaki ini adalah Nuh. Keturunan Set, Nuh adalah benar dan tidak bersalah. Dia hidup akrab dengan Allah.



Beliau juga mengajar tiga orang
anaknyanya untuk mentaati
Allah.



Sekarang Allah merancang
untuk menggunakan Nuh
dalam satu cara yang
sangat pelik dan
istimewa!



Permulaan Kesedihan Seseorang Manusia

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Kejadian 3-6

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu
memberi terang, memberi pengertian
kepada orang-orang bodoh."

Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.



Jika anda percaya ini adalah benar,
katakan ini kepada Allah:

Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi.

Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

